

Headline	Ahli peladang disaran tingkatkan usaha tambah pendapatan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	02 Aug 2017	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	8	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	167 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 835
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,505



## Ahli peladang disaran tingkatkan usaha tambah pendapatan

KOTA MARUDU: Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kota Marudu, Datuk George Sangkin menasihatkan ahli peladang agar melipat gandakan usaha ke arah menjadikan mereka berjaya dan berdaya saing dengan ahli peladang yang sudah sekian lama maju dalam kepelbagaian.

Katanya, walaupun harga pisang saba di tahap tidak menentu tetapi produk ini selain dipasarkan ianya juga boleh dijadikan bahan atau produk menjana

pendapatan untuk menyara keluarga.

Menurutnya, ahli peladang tidak semestinya berkecimpung dengan satu bidang kerjaya sahaja sebaliknya perlu mengusahakan aktiviti lain demi memperoleh dana demi menambah pendapatan.

George berucap pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2017 anjuran Pertubuhan Peladang Kawasan PPK Kota Marudu, dekat sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengarah FA-

MA Negeri Sabah merangkap Ahli Jemaah Pengarah PPK dan Pengerusi Penganjur serta Pelaksana program, Mohd. Shukri Majalin; Pengurus Besar PPK Kota Marudu, Janis Kansirong; Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Tenom yang juga Ahli Jemaah Pengarah PPK Kota Marudu, Jaiping Minsu; AJP yang lain, Elui Majingkin, Jukinah Adun, Penasihat Pertubuhan Kimaragang Malaysia Datuk Haji Abdul Latiff Kandok dan pemimpin setempat. **OLEH AJM**



DUIT RAYA... Gerge menyampaikan duit raya kepada anak-anak ahli peladang sambil disaksikan oleh Shukri dan yang lain.